

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG  
[ AYER HITAM ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 32**

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :-

- (a) adakah "*Green Court*" yang sedia ada akan dibubarkan dengan penggubalan Akta Alam Sekitar (EPA) yang baharu; dan
- (b) bagaimana Kementerian akan memperbaiki tatacara prosedur "*Green Court*" apabila bilangan kes yang gagal meneruskan pendakwaan akibat pegawai pendakwa yang kurang kemahiran dan kesilapan teknikal.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. *Green Court* adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Kehakiman dan tiada peruntukan berkenaan *Green Court* di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974. Penggubalan akta baru tidak akan menyebabkan *green court* dibubarkan. Walau bagaimanapun, Kementerian amat mengalu-alukan kewujudan *green court* memandangkan ia mempercepatkan proses penghakiman bagi kes-kes berkaitan alam sekitar.
2. Kementerian secara amnya tidak menyelaraskan tatacara prosedur *green court* oleh sebab penubuhan *green court* ini adalah dibawah Jabatan Kehakiman. Namun begitu, Kementerian sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Kehakiman dalam menambah baik tatacara dan prosedur *green court* sekiranya diperlukan.
3. Selain itu, Kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) terlibat dalam program latihan dan peningkatan kapasiti yang dianjurkan oleh Jabatan Kehakiman. Langkah ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan teknikal kepada pengamal perundangan dan pegawai-pegawai JAS dalam menguatkuasakan undang-undang/peraturan di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN [ PAPAR ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 33**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kementerian Pelajaran dan Inovasi Sabah akan diberi autonomi sepenuhnya mengendalikan hal ehwal pembangunan pelajaran di negeri Sabah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, negara kita melaksanakan sistem pendidikan berpusat. Semua institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah tertakluk kepada Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] di bawah bidang kuasa Menteri Pendidikan. Akta 550 merupakan dokumen perundangan yang menjadi rujukan berhubung apa-apa perkara yang berkait dengan pendidikan di semua institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan. Akta 550 ini juga telah mengkanunkan segala hasrat dan aspirasi negara yang ingin dicapai melalui pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang berpaksikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Selain itu, Perkara 74 dan 80 Perlembagaan Persekutuan, turut menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa perundangan dan kuasa eksekutif dalam perkara berkaitan pendidikan sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 13 Senarai I (Senarai Persekutuan) Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

Justeru, Kerajaan tidak bercadang untuk memberi kuasa kepada negeri Sabah untuk melaksanakan sistem pendidikan yang berbeza daripada dasar pendidikan Kerajaan Pusat. Walau begitu, KPM bersedia untuk mempergiatkan lagi jalinan kerjasama yang tersedia ada antara KPM dengan kerajaan negeri Sabah bagi memastikan pendidikan di negara ini berada dalam tahap yang terbaik.

Sekian, terima kasih.

RJM 91